

**SYARAT PERMOHONAN BANTUAN
PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU**

SYARAT AM

1. Warganegara Malaysia.
2. Menetap di dalam kawasan operasi Majlis Perbandaran Kubang Pasu sahaja.
3. Telah mendaftar eKasih dan status kemiskinan disahkan oleh pihak **ICU JPM** atau **MESYUARAT FOCUS GROUP DAERAH/NEGERI**.
4. Hanya status kemiskinan **MISKIN TEGAR, MISKIN** dan **B40 (pendapatan isi rumah bawah RM 4,360.00)** sahaja yang layak.
5. Borang permohonan yang telah siap di isi dan menyertakan salinan serta gambar yang diperlukan hendaklah dihantar ke **JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, ARAS 1, PEJABAT JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN, MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU**.
6. Permohonan Bantuan Kios Penjaja tidak diteruskan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan berkuatkuasa serta merta.
7. Hanya permohonan Bantuan Baik Pulih Rumah Daif yang diterima oleh Majlis Perbandaran Kubang Pasu sahaja.
8. Permohonan dibuka sepanjang masa atau sehingga dimaklumkan oleh **KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)** jika berlaku sebarang perubahan.

Bantuan Baik Pulih Rumah Daif

1. Hanya kediaman sendiri seperti rumah sesebuah/rumah berkembar/teres (*land property*) sahaja.
2. **TIDAK BOLEH** bagi rumah sewa atau rumah setinggan.
3. Kerosakan disebabkan faktor usia rumah atau bencana alam tetapi masih ekonomik untuk dibaik pulih mengikut kadar bantuan yang ditetapkan.
4. Pemohon yang telah menerima bantuan baik pulih rumah dari agensi yang lain **TIDAK LAYAK** menerima bantuan yang sama dari lain-lain agensi **KECUALI** bagi yang terlibat dengan musibah sahaja.
5. Kawasan asas rumah yang layak dibaik pulih :
 - i. Bumbung (termasuk kekuda dan alang)
 - ii. Dinding
 - iii. Pintu
 - iv. Tingkap
 - v. Siling
 - vi. Tangga
 - vii. Dapur
 - viii. Tandas
 - ix. Bilik air
 - x. Lantai simen/kayu
 - xi. Perpaipan
 - xii. Perparitan (*perimeter drain*/saluran keluar)
 - xiii. Pembentungan/Kumbahan
 - xiv. Pendawaian elektrik
 - xv. Lain-lain bentuk yang tidak melibatkan struktur asas rumah
6. Tidak layak baik pulih bagi :
 - i. Dinding melibatkan lepaan simen sahaja
 - ii. Garaj kenderaan
 - iii. 'Awning'
 - iv. Pagar
 - v. Penambahan/Pembesaran rumah
 - vi. Lain-lain baik pulih yang tidak munasabah

7. Menyertakan salinan kad pengenalan Ketua Isi Rumah (KIR), Ahli Isi Rumah (AIR) yang tinggal bersama serta gambar keseluruhan rumah (gambar dari luar rumah) dan gambar bahagian rumah yang hendak dibaik pulih.